

# UNDI MELAYU TIDAK JEJAS

## Berjasa: Sikap BN muktamad—Dr. M

**KUALA LUMPUR, Khamis**—Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata keputusan Berjasa tidak mahu masuk Barisan Nasional, tidak akan memecah undi Melayu.

Katanya, dengan keputusan Berjasa itu, adalah mudah sekarang bagi UMNO — tunjang

Barisan Nasional — untuk meyakinkan ahli-ahlinya, dan pengundi-pengundi.

Timbalan Perdana Menteri menyangkal kemungkinan Barisan Nasional bekerjasama dengan Berjasa dalam pilihanraya ini.

Dato Seri Dr. Mahathir menambah di masa lalu seperti dalam pilihanraya umum tahun 1974, UMNO mendapati amat sukar meyakinkan ahli-ahlinya supaya mengundi PAS.

Bereaktif kepada pemberita selepas menghadiri satu majlis taklimat di Jabatan Perkhidmatan Awam di sini, Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO berkata

kerjasama antara Barisan dengan Berjasa di Kelantan masih akan diteruskan.

Malah di peringkat Persekutuan, dua orang Menteri dari Berjasa, Menteri Kewangan Tempatan dan Wilayah Persekutuan Haji Hassan Adli Arshad dan Menteri Perusahaan Awam Datuk Haji Mohamed Nadir akan terus kekal dalam kabinet.

"Bagaimanapun, kami akan mengkalji kedudukan mereka selepas pilihanraya umum ini," tambahnya.

Adalah difahamkan satu daripada sebab utama mengapa Berjasa enggan memasuki Barisan ialah kerana permintanya mahu menggunakan simbol sendiri telah ditolak oleh Dewan Tertinggi Barisan.

Katanya, Majlis Tertinggi Barisan Nasional telah mengambil keputusan semua parti komponen mestilah menggunakan simbol Barisan Nasional — Dacing dan tidak ada sebarang kelonggaran dalam aspek ini.

Tambahnya Majlis Tertinggi BN, telah menolak permohonan sebuah parti komponen, SUPP (Sarawak) untuk menggunakan simbolnya sendiri kerana berpegas kepada prinsip asas penubuhan BN.

Menurut beliau, bagaimanapun, Berjasa meminta diadakan kerjasama di luar parti seperti yang diadakan di Kelantan iaitu mereka bertanding dengan menggunakan simbol sendiri tetapi dengan Ihsan Barisan Nasional.

Tegas beliau, Barisan Nasional tidak dapat memberi kelonggaran terhadap prinsipnya dalam menghadapi pilihanraya umum.